

Soalan No:13**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN :** LISAN**DARIPADA :** DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]**TARIKH :** 20.11.2017**SOALAN :**

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang agar cara pembelajaran pada peringkat sekolah rendah diubah agar pelajar-pelajar yang bakal dilahirkan akan menjadi lebih jati diri, contoh negara yang dapat melahirkan bangsa yang baik ialah cara pembelajaran negara Jepun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kurikulum yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menekankan seseorang murid menerima pendidikan yang menyeluruh dan seimbang. Penguasaan ilmu dan kemahiran diberi perhatian sebagai persediaan untuk pendidikan lanjutan dan menceburi alam pekerjaan. Kurikulum yang sedang digunakan di sekolah rendah dan menengah menitikberatkan perkembangan murid yang menyeluruh dan seimbang dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

KPM telah melaksanakan transformasi kurikulum di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah sebagai langkah memantapkan kurikulum persekolahan supaya sentiasa relevan dengan

tuntutan semasa selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penggubalan kurikulum baharu mengambil kira elemen yang mampu memupuk nilai perpaduan dan keharmonian kaum supaya murid mengenal, menghormati dan menerima kelainan serta perbezaan individu. Setiap murid dibentuk menjadi rakyat Malaysia yang cintakan negaranya dan berbangga sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama atau status sosioekonomi. Murid dipupuk dengan semangat patriotisme serta diajar memahami, menerima dan menghayati kepelbagaian. Pelaksanaan kurikulum baharu ini memastikan setiap murid dipupuk untuk menjadi warganegara yang cinta akan negaranya, serta berbangga sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama atau status sosioekonomi. Murid yang mengikuti kurikulum persekolahan dihasratkan mempunyai asas berikut:

1. Insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.
2. Warganegara yang bertanggungjawab.
3. Warganegara yang boleh berperanan di arena global.
4. Pekerja berilmu.